



## **YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN MEMULAKAN TUGAS SECARA RASMI SEBAGAI MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



Pada 1 September 2021, seluruh warga kerja Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengalu-alukan ketibaan YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican bagi memulakan tugas secara rasmi sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di KPKT dan Ketibaan YB Menteri telah disambut mesra oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib selaku Timbalan Menteri diiringi YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

Sebelum itu, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican bersama 29 menteri dan 37 timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara pada Isnin yang lalu, 30 Ogos 2021.

Simbolik memulakan tugas secara rasmi, YB Menteri telah mendaftarkan kehadiran melalui imbasan pas keselamatan pekerja pada mesin pengimbas kad perakam waktu di Pejabat Menteri. Seterusnya, YB Menteri telah diberikan taklimat tentang fungsi dan peranan utama, isu, cabaran serta perancangan KPKT di masa akan datang.

Seluruh warga KPKT mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican di atas pelantikan sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan pimpinan YB Menteri, diharapkan KPKT optimis untuk terus cemerlang dan maju kehadapan bagi menjayakan segala dasar dan aspirasi yang telah ditetapkan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat